



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

RABU, 20 MAC 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>COUNCIL OF SOCIAL WORK PROFESSION TO RECOGNISE, OVERSEE PRACTICES, SAYS NANCY SHUKRI</b>	
	<a href="https://bernama.com/en/general/news.php?id=2280486">https://bernama.com/en/general/news.php?id=2280486</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/03/19/council-for-social-workers-part-of-new-bill-says-nancy/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/03/19/council-for-social-workers-part-of-new-bill-says-nancy/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/699904">https://www.malaysiakini.com/news/699904</a>	MALYSIAKINI.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/655340/berita/nasional/majlis-profesion-kerja-sosial-dicadang-dimasukkan-dalam-ruu">https://www.sinarharian.com.my/article/655340/berita/nasional/majlis-profesion-kerja-sosial-dicadang-dimasukkan-dalam-ruu</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://selangorjournal.my/2024/03/council-of-social-work-profession-to-recognise-oversee-practices-minister/">https://selangorjournal.my/2024/03/council-of-social-work-profession-to-recognise-oversee-practices-minister/</a>	SELANGORJOURNAL.MY
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/230896/council-for-social-workers-part-of-new-bill-says-nancy/">https://www.dailyexpress.com.my/news/230896/council-for-social-workers-part-of-new-bill-says-nancy/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY
	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/majlis-profesion-kerja-sosial-dicadang-dimasukkan-dalam-ruu-FC12233251">https://thesun.my/cerita/berita/majlis-profesion-kerja-sosial-dicadang-dimasukkan-dalam-ruu-FC12233251</a>	THESUN.MY
	<a href="https://thesun.my/local_news/council-of-social-work-profession-to-recognise-oversee-practices-says-nancy-shukri-AC12233276">https://thesun.my/local_news/council-of-social-work-profession-to-recognise-oversee-practices-says-nancy-shukri-AC12233276</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=h8le0W1-CXY">https://www.youtube.com/watch?v=h8le0W1-CXY</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/majlis-profesion-kerja-sosial-dicadang-dimasukkan-dalam-ruu-nancy-462983">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/majlis-profesion-kerja-sosial-dicadang-dimasukkan-dalam-ruu-nancy-462983</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2280471">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2280471</a>	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>KERAJAAN PERLU SEDIA PELBAGAI INISIATIF TINGKAT PERANAN WANITA</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2024/03/1225231/kerajaan-perlu-sedia-pelbagai-inisiatif-tingkat-peranan-wanita">https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2024/03/1225231/kerajaan-perlu-sedia-pelbagai-inisiatif-tingkat-peranan-wanita</a>	BHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>659 PENGEMIS DIAMBIL PIHAK BERKUASA DI KL</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071614/659-pengemis-diambil-pihak-berkuasa-di-kl">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071614/659-pengemis-diambil-pihak-berkuasa-di-kl</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>KERAJAAN AMBIL TINDAKAN 'SINDROM TERLUPA ANAK' - NANCY</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/655354/berita/nasional/kerajaan-ambil-tindakan-sindrom-terlupa-anak---nancy">https://www.sinarharian.com.my/article/655354/berita/nasional/kerajaan-ambil-tindakan-sindrom-terlupa-anak---nancy</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>WEEKLY JOINT OPS AGAINST STREET DWELLERS LOITERING IN JB</b>	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1027807/weekly-joint-ops-against-street-dwellers-loitering-jb">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1027807/weekly-joint-ops-against-street-dwellers-loitering-jb</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/19/34-homeless-people-in-jb-sent-to-shelter">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/19/34-homeless-people-in-jb-sent-to-shelter</a>	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>MASALAH KEWARGANEGARAAN SELESAI, KANAK-KANAK MULAKAN PERSEKOLAHAN JUMAAT INI</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/19/masalah-kewarganegaraan-selesai-kanak-kanak-mulakan-persekolahan-jumaat-ini">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/19/masalah-kewarganegaraan-selesai-kanak-kanak-mulakan-persekolahan-jumaat-ini</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT NEGERI PERAK</b>	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=sdohN8J2Tb8">https://www.youtube.com/watch?v=sdohN8J2Tb8</a>	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



UKK KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>IBU KELAR BAYI: POLIS AMBIL KETERANGAN ENAM INDIVIDU</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1225591/ibu-kelar-bayi-polis-ambil-keterangan-enam-individu">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1225591/ibu-kelar-bayi-polis-ambil-keterangan-enam-individu</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/699965">https://www.malaysiakini.com/news/699965</a>	MALAYSIAKINI.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/655458/berita/semasa/kanak-kanak-dikelar-ibu-kandung-polis-rakam-keterangan-beberapa-saksi">https://www.sinarharian.com.my/article/655458/berita/semasa/kanak-kanak-dikelar-ibu-kandung-polis-rakam-keterangan-beberapa-saksi</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071818/ibu-kelar-bayi-polis-ambil-keterangan-suami-5-lagi">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071818/ibu-kelar-bayi-polis-ambil-keterangan-suami-5-lagi</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/03/19/kelar-bayi-polis-sudah-ambil-keterangan-enam-individu/">https://malaysiagazette.com/2024/03/19/kelar-bayi-polis-sudah-ambil-keterangan-enam-individu/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/ibu-kelar-bayi-polis-rakam-keterangan-suami-ahli-keluarga-jiran/">https://www.buletintv3.my/jenayah/ibu-kelar-bayi-polis-rakam-keterangan-suami-ahli-keluarga-jiran/</a>	BULETINTV3.MY
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/19/six-questioned-by-johor-police-over-baby039s-murder">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/19/six-questioned-by-johor-police-over-baby039s-murder</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/03/1027953/mother-who-slashed-toddlers-throat-police-record-statements-six">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/03/1027953/mother-who-slashed-toddlers-throat-police-record-statements-six</a>	NST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>SELEPAS 15 MINIT BAPA TERSEDAR TERTINGGAL ANAK DALAM KERETA</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/selepas-15-minit-bapa-tersedar-tertinggal-anak-dalam-kereta-462934">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/selepas-15-minit-bapa-tersedar-tertinggal-anak-dalam-kereta-462934</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>GANGGUAN SEKSUAL TIDAK SEPATUTNYA BERLAKU DI SEKOLAH</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/03/gangguan-seksual-tidak-sepatutnya-berlaku-di-sekolah/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/03/gangguan-seksual-tidak-sepatutnya-berlaku-di-sekolah/</a>	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




**MALAYSIA  
MADANI**

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>EKSPLOITASI SEKSUAL: KETEGASAN KPM WAJAR, DISAMBUT BAIK PELBAGAI PIHAK</b>	
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/eksploitasi-seksual-ketegasan-kpm-wajar-disambut-baik-pelbagai-pihak/">https://www.buletintv3.my/nasional/eksploitasi-seksual-ketegasan-kpm-wajar-disambut-baik-pelbagai-pihak/</a>	BULETINTV3.MY



TAJUK : MAJLIS PROFESION KERJA SOSIAL DICADANG DIMASUKKAN DALAM RUU

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 20 MAC 2024

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Majlis Profesion Kerja Sosial dicadang dimasukkan dalam RUU

**KUALA LUMPUR:** Penubuhan Majlis Profesion Kerja Sosial (MPKS) yang berperanan mengiktiraf, mendaftar dan mengawal selia amalan kerja sosial di negara ini dicadangkan untuk dimasukkan dalam penggubalan draf Rang Undang-Undang (RUU) Profesion Kerja Sosial (PKS).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata MPKS akan bertindak sebagai medium untuk membincangkan cadangan penambahbaikan latihan dan program pembangunan profesional berterusan bukan hanya dalam kalangan penjawat awam, tetapi juga kepada mereka yang terlibat dalam kerja sosial di sektor swasta termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

“Ini akan membantu melancarkan jaringan kerjasama dalam penyampaian perkhidmatan yang profesional, perkongsian amalan terbaik dan menyokong profesion menerusi rangkaian badan profesion lain termasuklah



**BINCANG:** Nancy ketika sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri sempena Sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen semalam. — Gambar Bernama

di peringkat antarabangsa,” katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff (PN-Rantau Panjang) yang ingin tahu langkah kementerian bagi memastikan kesejahteraan pekerja sosial di negara ini dan status proses konsultasi terhadap RUU PKS terkini.

Selain itu, Nancy berkata RUU PKS juga akan memperuntukkan

penubuhan jawatankuasa siasatan yang akan membolehkan siasatan terperinci dijalankan ke atas setiap aduan diterima.

Beliau berkata fasal tersebut sekali gus akan memberikan perlindungan bukan hanya kepada individu iaitu klien malah kepada pekerja sosial bagi memastikan mereka turut dilindungi daripada tuduhan tidak munasabah atau fitnah semasa menjalankan tugas.

Menjawab status proses


konsultasi terhadap RUU PKS terkini, Nancy berkata hasil dapatan pelbagai sesi libat urus berterusan, draf RUU tersebut memerlukan beberapa penelitian khusus termasuk melibatkan ketetapan dasar bagi memastikan kesediaan pemakaian RUU itu setelah diluluskan kelak.

“Di samping itu, penambahbaikan lain yang diterokai terhadap draf RUU ini adalah untuk memasukkan peruntukan am yang menjelaskan fungsi dan peranan pekerja sosial serta praktis kerja sosial,” katanya.

Dalam padai itu, Nancy turut mengucapkan selamat Hari Pekerja Sosial Sedunia yang disambut hari ini khususnya buat warga kerja Jabatan Kebajikan Masyarakat dan semua pekerja sosial di seluruh negara.

“Curahan bakti anda semua dalam membantu membentuk kesejahteraan kita rakyat Malaysia amat dihargai,” katanya.

Hari Pekerja Sosial Sedunia disambut pada setiap Selasa minggu ketiga Mac. — Bernama



## COUNCIL OF SOCIAL WORK PROFESSION TO RECOGNISE, OVERSEE PRACTICES, SAYS NANCY SHUKRI



19/03/2024 12:42 PM

KUALA LUMPUR, March 19 (Bernama) -- The Dewan Rakyat was informed today of the proposal to incorporate the establishment of the Council of Social Work Profession into the draft of the Social Work Profession Bill.

This council would be responsible for recognising, registering, and overseeing social work practices nationwide.

Minister of Women, Family, and Community Development Datuk Seri Nancy Shukri stated that the council would function as a platform for deliberating proposals aimed at enhancing training and ongoing professional development initiatives, to extend beyond civil servants to encompass individuals engaged in social work within the private sector, including non-governmental organisations.

"This will facilitate collaboration in delivering professional services, sharing best practices, and supporting the profession through other professional bodies' networks, including at the international level," she said during Minister's question time in the Dewan Rakyat today.

She was addressing a question from Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff (PN-Rantau Panjang), who inquired about the ministry's measures to safeguard the welfare of social workers nationwide and the progress of consultations regarding the Bill.

Furthermore, Nancy mentioned that the Social Work Profession Bill would also provide for the establishment of an investigation committee to enable detailed investigations into each complaint received.

She explained that this provision would not only provide protection to individuals, namely clients, but also to social workers to ensure they are shielded from unreasonable accusations or slander while carrying out their duties.


Addressing the progress of consultations on the Bill, Nancy explained that the insights gained from the ongoing engagement sessions, especially among government agencies, necessitate further specific studies, including policy determinations aimed at ensuring preparedness for the enactment of the Bill upon approval.

"Other enhancements explored for the draft Bill include incorporating general provisions that clarify the functions and roles of social workers as well as social work practices," she added.

Nancy then extended warm wishes for World Social Work Day, particularly directed at the employees of the Department of Social Welfare and all social workers across the nation.

"Your unwavering dedication in contributing to the welfare of Malaysian citizens is deeply valued," she emphasised.

World Social Work Day is celebrated every third Tuesday of March, annually.



## 659 pengemis diambil pihak berkuasa di KL

Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid  
khairil.ashraf@hmetro.com.my



Nancy Shukri ketika sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri sempena Sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen hari ini. FOTO BERNAMA

Kuala Lumpur: Sebanyak 171 tindakan bagi mengambil pengemis dan peleser (Papa) dijalankan bagi tempoh Januari sehingga November 2023.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, berdasarkan tindakan itu, seramai 659 orang termasuk pengemis diambil di Kuala Lumpur.

"Daripada jumlah itu, seramai 461 pengemis bukan warga negara dan hanya 198 orang adalah pengemis tempatan.

"Bagi pengemis tempatan yang berumur di bawah 60 tahun, mereka akan ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD) dan pengemis yang berumur 60 tahun ke atas pula diberikan penjagaan dan perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK).

"Kedua-dua institusi ini adalah di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya dalam jawapan bertulis di Parlimen hari ini.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PH-Bandar Tun Razak) mengenai keberkesanan langkah-langkah sedia ada bagi mengatasi kebanjiran golongan peminta sedekah atau pengemis di sekitar Kuala Lumpur.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, pihaknya juga melaksanakan kempen kesedaran dan pencegahan pengemis 'Bijak Membantu, Elak Tertipu' yang menjadi salah satu inisiatif meningkatkan kesedaran kepada masyarakat agar lebih berhati-hati memberi sumbangan kepada mana-mana individu.

Katanya, melalui kempen itu, masyarakat dinasihatkan menyalurkan sedekah atau sumbangan melalui saluran betul seperti rumah kebajikan, pertubuhan sukarela kebajikan berdaftar, pertubuhan amal, rumah ibadat dan Yayasan Kebajikan Negara.

Beliau dalam masa sama turut menyatakan kementeriannya mengambil pendekatan secara menyeluruh dengan pembabitkan pelbagai agensi melalui tindakan bersepadu bagi memastikan aktiviti pengemis dapat dibendung.

"Kementerian melalui JKJ menjalankan tindakan mengambil orang Papa berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 3, Akta Orang-Orang Papa 1977 (Akta 183)," katanya.

Menurutnya, adalah menjadi kesalahan bagi kegiatan mengemis di bawah Akta Pungutan Rumah Ke Rumah Dan Di Jalan, 1947 (Akta 200), Akta Kesalahan Kecil 1955 (Akta 336) dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri).


"Tindakan penguatkuasaan adalah di bawah tanggungjawab Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Agama Islam Negeri," katanya.

Selain itu katanya, kementerian melalui JKJ menjalankan Tindakan Mengambil Secara Bersama Agensi Penguatkuasaan yang lain, Tindakan Mengambil Secara Berkala/Berjadual dan Tindakan Mengambil secara 'ad-hoc'.

"Ia berdasarkan kepada aduan memandangkan pengemis terdiri daripada pelbagai kategori seperti pengemis warga negara, bukan warga negara, disyaki berpenyakit mental, penagih dadah dan orang kurang upaya (OKU)," katanya.

Beliau berkata, dalam Tindakan Mengambil Secara Bersama, setiap agensi akan mengenal pasti orang Papa yang diambil dan mengambil tindakan mengikut bidang kuasa agensi.

"Tindakan bersepadu ini membabitkan PDRM, pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Agama Islam dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," katanya.



## Kerajaan ambil tindakan 'sindrom terlupa anak' – Nancy

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

[Follow](#)

19 Mac 2024 12:41pm Masa membaca: 4 minit



Nancy ketika sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri sempena Sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen.  
Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menjalinkan kolaborasi yang aktif dan berkongsi maklumat bersama agensi lain bagi meningkatkan kesedaran awam agar 'sindrom terlupa anak' di dalam kereta sehingga meragut nyawa tidak berulang.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, antara usaha yang telah dilaksanakan ialah meningkatkan kesedaran dan memberi peringatan melalui media.

Menurutnya, ia termasuklah hebahan tips dalam bentuk video dan infografik di media sosial, portal berita tempatan serta media perdana.

"Kita juga telah membuat hebahan melalui emel kepada semua pegawai perhubungan korporat di kementerian, jabatan, agensi persekutuan dan negeri, hospital serta institusi pengajian awam yang mengandungi bahan-bahan promosi kempen 'Jangan Tinggal Anak Bersendirian Dalam Kenderaan' untuk mereka kongsi dengan warga masing-masing.

"Kami di KPWKM juga telah mengambil inisiatif dengan membuat pengumuman melalui alat siaraya di bangunan KPWKM sejak 21 Februari 2024.

"Dalam hal ini, semua pihak boleh memainkan peranan masing-masing, namun pemain utamanya adalah ibu bapa itu sendiri. Justeru, kita boleh membantu diri kita sendiri untuk tidak lupa dengan mengambil pelbagai pendekatan antaranya seperti meletakkan barang penting seperti beg duit, telefon bimbit atau komputer riba di tempat duduk belakang bersama anak," katanya di Dewan Rakyat pada Selasa.


Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee sewaktu sesi pertanyaan lisan Dewan Negara tentang tindakan kementerian untuk mengelakkan isu berkenaan berulang.

Tambah Nancy, 'sindrom terlupa anak' di dalam kereta boleh berlaku disebabkan pelbagai faktor, antaranya perubahan rutin harian, tekanan atau stres, berfikir tentang perkara penting yang lain semasa memandu, keletihan, kelesuan atau cuba melakukan pelbagai tugas serentak.

"Terdapat kajian oleh pakar akademik psikologi di sebuah universiti di Amerika Syarikat yang mendapati bahawa kebanyakan kes terlupa anak ini bukanlah masalah ibu bapa cuai atau tidak baik, tetapi ia berkait dengan masalah memori.

"Ia bergantung kepada keadaan dan boleh berlaku kepada sesiapa sahaja, terutamanya apabila membabitkan anak kecil yang belum mampu bersuara atau sedang tidur.

"Dalam hal ini, KPWKM sentiasa berusaha agar tragedi meninggalkan anak-anak di dalam kereta sehingga meragut nyawa tidak berulang," jelasnya.



## Kerajaan perlu sedia pelbagai inisiatif tingkat peranan wanita

Mac 19, 2024 @ 8:54am



- Foto hiasan

BERDASARKAN perangkaan Jabatan Statistik Tahun 2020, wanita mewakili 48.5 peratus penduduk negara ini. Justeru, selari dengan itu lebih banyak usaha perlu dibuat bagi mengagihkan peluang dan ruang sama rata kepada wanita untuk memajukan potensi diri.

Wanita perlu dilayan dan diberikan haknya secara adil selari dengan konsep Malaysia MADANI yang turut meletakkan usaha untuk memastikan golongan hawa tidak terpinggir dalam arus pembangunan negara.

Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) harus peka dan prihatin terhadap perkara ini supaya wanita tidak terbabas dalam memperjuangkan hak mereka. Justeru, pendekatan secara komprehensif dalam memartabatkan wanita dalam bidang utama merangkumi ekonomi, pendidikan, kesihatan, kepimpinan, keselamatan dan perundangan perlu diperkukuhkan.

Ia bagaimanapun, perlu berteraskan kepada agama, budaya bangsa dan nilai murni seperti yang pernah digariskan KPWKM dalam kerangka memperkasa wanita sebelum ini.

Teras itu penting supaya kesaksamaan yang diberikan kepada wanita tidak melampaui batas hingga boleh merosakkan diri, keluarga dan masyarakat. Memang kita boleh berbangga dengan semakin ramainya kaum wanita yang mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang. Namun, ketinggian akhlak dan moral wanita juga perlu dipelihara dan diperkasa. Kehidupan ini akan menjadi indah dan harmoni apabila wanita terpelihara tingkah laku dan akhlaknya.

Sehingga kini, sudah banyak yang dilakukan oleh kerajaan melalui kementerian terbabit sebagai usaha membela nasib wanita. Antaranya, inisiatif untuk menggalakkan wanita yang sebelum ini terpaksa berhenti kerja selepas tempoh cuti bersalin untuk menjaga anak diberi peluang untuk kembali bekerja. Sudah tentu ia menjadi pemangkin dalam menyuntik semangat mereka supaya menjadi seorang ibu yang baik, namun dalam masa sama berjaya dalam kerjaya.

Demikian juga, inisiatif menubuhkan sebuah unit khas di bawah Bahagian D11, Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membanteras aktiviti pornografi kanak-kanak dengan kerjasama KPWKM. Ia dapat memperluaskan lagi bidang kuasa kementerian terbabit dalam menjaga kesejahteraan wanita keluarga dan masyarakat di negara ini.

KPWKM juga banyak menerima peruntukan tahunan untuk digunakan bagi membantu dan membangun ekonomi wanita, termasuk membimbing mereka melalui kursus keusahawanan juga perniagaan seperti e-dagang, 'dropship', perniagaan kecil-kecilan yang bukan di bawah skim keusahawanan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Usaha ini dilihat dapat mengoptimalkan potensi wanita, khususnya mereka yang kehilangan pendapatan, kehilangan pencari nafkah utama keluarga dan juga ibu tunggal. Pasti dalam konteks semasa hari ini, inisiatif ini selari dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Sebelum ini, usaha awal seperti mensasarkan 30 peratus wanita dilantik di peringkat pembuat keputusan di sektor awam sudah mencapai sasaran, manakala di sektor swasta ia mencatat 25.8 peratus. Demikian juga jurang dalam pendidikan dan kesihatan untuk wanita turut menunjukkan peningkatan, termasuklah pembabitan wanita dalam beberapa bidang lain seperti ekonomi dan politik, walaupun ia masih perlu dipertingkatkan lagi pencapaiannya.

Apa yang penting kerajaan perlu terus merancang penyelarasan dan koordinasi antara pelbagai pihak untuk meningkatkan pembangunan dan pencapaian wanita, terutama dalam bidang yang belum mencapai sasarannya. KPWKM harus mempertingkatkan pelbagai usaha bagi memastikan pencapaian wanita di negara ini terus meningkat.


Agensi di bawahnya, iaitu Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mesti melipatkan program kepimpinan dalam bentuk latihan, advokasi dan pelbagai pendedahan melalui forum, seminar dan konvensyen bagi memberi kesedaran dan meningkatkan potensi serta kemampuan wanita terutama dalam aspek kepimpinan, pengurusan, kewangan dan pembuat keputusan.

Selain itu, Yayasan Kepimpinan Wanita (WLF) perlu memainkan peranan lebih besar lagi dalam mencipta peluang melalui penyusunan strategi, pembangunan dan bimbingan kepada pemimpin wanita, selain mempertingkatkan usaha mengenal pasti bakat keusahawanan, selain melatih mereka untuk berfikir luas dalam dunia keusahawanan.

Dari masa ke semasa, penambahbaikan juga harus dibuat terhadap Dasar Wanita Negara (DWN) supaya matlamat untuk memelihara kepentingan wanita dapat dicapai melalui ekosistem yang holistik dan inklusif. Semua pihak harus mendukung DWN melalui jaringan kolaborasi strategik antara semua agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta, masyarakat sivil, individu dan badan antarabangsa bagi mencapai matlamat memartabatkan juga memberikan kesaksamaan kepada wanita.

Dalam kerangka yang lebih besar peranan kerajaan memastikan wanita terus melangkah ke depan perlu dipertingkatkan dengan menyediakan pelbagai inisiatif. Ia turut menjadi pemangkin utama dalam usaha meletakkan wanita pada kedudukan baik yang membolehkan kemakmuran dan kekayaan negara dapat dikongsi dengan cara adil lagi saksama.

Mohd Ayop Abd Razid, Kuala Lumpur



TAJUK : PELBAGAI AGENSI TERBABIT BENDUNG AKTIVITI PENGEMISAN

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 MAC 2024

M/SURAT : 16

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 171 tindakan bagi mengambil pengemis dan pelesen (Papa) dijalankan bagi tempoh Januari sehingga November 2023.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri** berkata, berdasarkan tindakan itu, seramai 659 orang termasuk pengemis diambil di Kuala Lumpur.

"Daripada jumlah itu, seramai 461 pengemis bukan warga negara dan hanya 198 orang adalah pengemis tempatan.

"Bagi pengemis tempatan yang berumur di bawah 60 tahun, mereka akan ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD) dan pengemis yang berumur 60 tahun ke atas

## Pelbagai agensi terbabit bendung aktiviti pengemis

pula diberikan penjagaan dan perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK).

"Kedua-dua institusi ini adalah di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya dalam jawapan bertulis di Parlimen semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan **Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PH-Bandar Tun Razak)** mengenai keberkesanan langkah sedia ada bagi mengatasi kebanjiran golongan peminta sedekah atau pengemis di sekitar Kuala Lumpur.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, pihaknya juga melaksanakan kempen kesedaran dan pencegahan pengemis 'Bijak Membantu, Elak Tertipu' yang menjadi salah satu inisiatif meningkatkan kesedaran kepada masyarakat agar lebih berhati-hati memberi sumbangan kepada mana-mana individu.

Katanya, melalui kempen itu, masyarakat dinasihati menyalurkan sedekah

atau sumbangan melalui saluran betul seperti rumah kebajikan, pertubuhan sukarela kebajikan berdaftar, pertubuhan amal, rumah ibadat dan Yayasan Kebajikan Negara.

Beliau dalam masa sama turut menyatakan kementerannya mengambil pendekatan secara menyeluruh dengan pembabit

pelbagai agensi melalui tindakan bersepadu bagi memastikan aktiviti pe-

ngemis dapat dibendung.

"Kementerian melalui JKJ menjalankan tindakan mengambil orang Papa berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 3, Akta Orang-Orang Papa 1977 (Akta 183)," katanya.

Menurutnya, adalah menjadi kesalihan bagi kegiatan mengemis di bawah Akta Pungutan Rumah Ke Rumah Dan Di Jalan, 1947 (Akta 200), Akta Kesalahan Kecil 1955 (Akta 336) dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri).

"Tindakan penguatkuasaan adalah di bawah tanggungjawab Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Agama Islam Negeri," katanya.

Selain itu katanya, ke-

menterian melalui JKJ menjalankan Tindakan Mengambil Secara Bersama Agensi Penguatkuasaan yang lain, Tindakan Mengambil Secara Berkala/Berjadual dan Tindakan Mengambil secara *ad-hoc*.

"Ia berdasarkan kepada aduan memandangkan pengemis terdiri daripada pelbagai kategori seperti pengemis warga negara, bukan warga negara, disyaki berpenyakit mental, penagih dadah dan orang kurang upaya (OKU)," katanya.

Beliau turut menambah, dalam Tindakan Mengambil Secara Bersama, setiap agensi akan mengenal pasti orang Papa yang diambil dan mengambil tindakan mengikut bidang kuasa agensi.

**Pengemis berumur 60 tahun ke atas diberikan penjagaan dan perlindungan di RSK**



## Weekly joint ops against street dwellers loitering in JB



By JASSMINE SHADIQE - March 19, 2024 @ 4:23pm



State Women, Family and Community Development Committee chairman Khairin-Nisa Ismail (second left) and state Health and Environment Committee chairman Ling Tian Soon led a joint operation against street dwellers in the state capital city.

JOHOR BARU: Joint-operations against street dwellers and suspected drug addicts sleeping on public facilities in the city centre will be conducted on a weekly basis.

The street dwellers included vagabonds, beggars and the mentally unsound.

State Women, Family and Community Development Committee chairman Khairin-Nisa Ismail said the operations were not aimed at enforcement, but rather the main focus was to rehabilitate them.

"We need to clear the streets from this unsightly issue, and the individuals will be housed at Anjung Singgah, along Jalan Nong Chik, here, temporarily."

Anjung Singgah is a temporary transit centre that house the homeless under the Welfare Department's initiative.

"It accepts conditional admissions, where those who are willing to seek employment, will be provided with lodging and meals. They are required to leave the premises once they secured jobs and are stabilised," said Khairin-Nisa.

Between midnight and 3.30am this morning, Khairin-Nisa, and state Health and Environment Committee chairman Ling Tian Soon led 77 officers from various state and federal agencies to inspect several hotspot areas where vagabonds loitered and slept.

The joint operation saw Khairin-Nisa and her team visiting the Larkin Sentral Terminal, JB Sentral and several other areas in the vicinity, while Ling inspected public areas along Jalan Meldrum, Jalan Wong Ah Fook, Jalan Segget and in the vicinity of the Johor Baru City Centre.

During the operations, 32 men and two women were picked up.

Ling said the main issue faced were regards to those who got drunk and slept in public places.

"We can't house them at Anjung Singgah, as they will create a ruckus, and also due to the limited housing space," he said.

"It's a rather vicious circle, the welfare officers managing the centre recognised the individuals we [rounded-up previously](#).

"It seems that after they get picked up, they would claim that they had secured employment, but will return to the streets.

"I will bring up this matter in our state executive council meeting to discuss a permanent solution to this problem," he said


The operation also saw the individuals' MyKads scanned by National Registration Department (NRD) officers.

Policemen from the Johor Baru South headquarters accompanied the team, for security purposes.

Also involved in the operations were officers from the National Anti-Drug Agency, Johor Baru City Council, Welfare Department and state National Security Council, among others.

The state-government is robustly working on cleaning up Johor Baru's image and enhancing its safety standards to align with the Johor Maju agenda.

More than 12 million domestic and international tourists are expected in the Visit Johor Year 2026.



TAJUK : MASALAH KEWARGANEGARAAN SELESAI, KANAK-KANAK MULAKAN PERSEKOLAHAN JUMAAT INI

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 20 MAC 2024

M/SURAT : 01&02

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Masalah kewarganegaraan selesai, kanak-kanak mulakan persekolahan Jumaat ini



SELESAI: (Dari kiri) Colliner, Annie, Rosey, Fatimah, Ng dan Mahathir. Turut kelihatan di belakang, Henry Kung.

**KUCHING:** Jerih payah yang dilalui seorang bapa, Henry Kung dalam memasukkan anak perempuannya ke sekolah rendah di SJK Chung Hua No.2 sebagai warganegara Malaysia, akhirnya membuahkan hasil apabila anaknya bakal memulakan persekolahan pada Jumaat ini.

Kesemuanya menjadi kenyataan apabila Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah mengambil inisiatif mengatasi masalah tersebut

dengan mempergunakan mesyuarat dua jam bersama jabatan berkaitan, termasuk Jabatan Pendaftaran Negara Sarawak (JPNS) dan Jabatan Pendidikan Sarawak, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah, Pemangku Setiausaha Tetap Colliner Gohe, Pengarah JPNS Mahathir Bujang, Penolong Pengarah Pengurusan Sekolah Jabatan Pendidikan Sarawak Norzilawati MD Tajudin dan peguam Dominique Ng.

Menerusinya, telah diakhiri bahawa sijil kewarganegaraan kanak-kanak itu telah dihantar dari Putrajaya kepada Pengarah JPNS pada 18 Mac.

Fatimah memberi jaminan sebaik sahaja sijil diterima, surat kelulusan pendaftaran sekolah anak itu akan diproses segera. Katanya, ibu bapa akan dapat mengambil surat daripada Jabatan Pendidikan Kuching pada petang Khamis, membolehkan anak perempuannya mula bersekolah pada hari berikutnya. Fatimah yang berkongsi hasil positif perbincangan itu

menyatakan komitmennya untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan.

Bellau menegaskan pendidikan adalah hak asasi untuk semua kanak-kanak, selain menekankan kepentingan melakukan pendaftaran tepat pada masanya. Berikutnya, beliau bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh Kung dan isterinya, Annie Kung, mengenai ketidaktentuan kemasukan anak perempuannya mereka ke sekolah.

### Dari Muka 1

Fatimah seterusnya dengan pantas memaikan peranannya dalam hal ini dengan menekankan: "Setiap hari seorang kanak-kanak tidak menghadiri sekolah, kanak-kanak itu kehilangan sesuatu. "Sementara itu, Kung yang gigih mengojor kelulusan kewarganegaraan untuk anak perempuannya sejak 10 Mei tahun lalu, melahirkan rasa lega bersama isterinya apabila mendengar berita baik tersebut semasa pertemuan itu.

Walaupun berhadapan halangan birokrasi, ketabahan pasangan itu akhirnya mem-

buahkan hasil dengan resolusi tepat pada masanya yang dipermudahkan oleh Fatimah.

Selain berterima kasih atas campur tangan menteri Kung dan isteri turut menghargai sokongan dan kemudahannya yang diberikan untuk mempercepatkan proses kemasukan anak perempuannya mereka.

Perjalanan Kung untuk mendapatkan pendaftaran anak perempuannya bukanlah mudah, dengan berhadapan cabaran kehilangan dokumen dan kelemahan pentadbiran.

Kung bagaimanapun tetap teguh dalam usaha beliau terutama dalam mematuhi semua keperluan dan mendapatkan

bantuan apabila perlu. Walaupun matlamat awal adalah mendaftarkan anak perempuannya untuk sesi orientasi apabila sekolah dibuka pada 11 Mac, Kung dan Annie bersyukur kerana anak mereka sekarang-kurangnya dapat menghadiri hari terakhir orientasi pada Jumaat ini sebelum pelajaran sebenar bermula pada 25 Mac.

Peluang mengambil bahagian dalam orientasi ini akan memberikan anak perempuannya Kung pengenalan yang berharga kepada persekitaran sekolah dan membantunya menyesuaikan diri sebelum bermulanya sesi pembelajaran sebenar.



## Masalah kewarganegaraan selesai, kanak-kanak mulakan persekolahan Jumaat ini

© 2024-03-19T19:02:18+08:00



(Dari kiri) Colliner, Annie, Rosey, Fatimah, Ng dan Mahathir. Turut kelihatan di belakang, Henry Kung.

KUCHING: Jerih payah yang dilalui seorang bapa, Henry Kung dalam memasukkan anak perempuannya ke sekolah rendah di SJK Chung Hua No.2 sebagai warganegara Malaysia, akhirnya membuahkan hasil apabila anaknya bakal memulakan persekolahan pada Jumaat ini.

Kesemuanya menjadi kenyataan apabila Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah mengambil inisiatif mengatasi masalah tersebut dengan mengperkerusikan mesyuarat dua jam bersama jabatan berkaitan, termasuk Jabatan Pendaftaran Negara Sarawak (JPNS) dan Jabatan Pendidikan Sarawak, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Rosey Yunus, Pemangku Setiausaha Tetap Colliner Gohe, Pengarah JPNS Mahathir Bujang, Penolong Pengarah Pengurusan Sekolah Jabatan Pendidikan Sarawak Norzilawati MD Tajudin dan peguam Dominique Ng.

Menerusinya, telah disahkan bahawa sijil kewarganegaraan kanak-kanak itu telah dihantar dari Putrajaya kepada Pengarah JPNS pada 18 Mac.

Fatimah memberi jaminan sebaik sahaja sijil diterima, surat kelulusan pendaftaran sekolah anak itu akan diproses segera.

Katanya, ibu bapa akan dapat mengambil surat daripada Jabatan Pendidikan Kuching pada petang Khamis, membolehkan anak perempuan mereka mula bersekolah pada hari berikutnya.

Fatimah yang berkongsi hasil positif perbincangan itu menyatakan komitmennya untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan.

Beliau menegaskan pendidikan adalah hak asasi untuk semua kanak-kanak, selain menekankan kepentingan melakukan pendaftaran tepat pada masanya.

Berikutan itu, beliau bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh Kung dan isterinya, Annie Kung, mengenai ketidakpastian kemasukan anak perempuan mereka ke sekolah.

Fatimah seterusnya dengan pantas memainkan peranannya dalam hal ini dengan menekankan: "Setiap hari seorang kanak-kanak tidak menghadiri sekolah, kanak-kanak itu kehilangan sesuatu."

Sementara itu, Kung yang gigih mengejar kelulusan kewarganegaraan untuk anak perempuannya sejak 10 Mei tahun lalu, melahirkan rasa lega bersama isterinya apabila mendengar berita baik tersebut semasa pertemuan itu.

Walaupun berhadapan halangan birokrasi, ketabahan pasangan itu akhirnya membuahkan hasil dengan resolusi tepat pada masanya yang dipermudahkan oleh Fatimah.


Selain berterima kasih atas campur tangan menteri, Kung dan isteri turut menghargai sokongan dan kemudahan yang diberikan untuk mempercepatkan proses kemasukan anak perempuan mereka.

Perjalanan Kung untuk mendapatkan pendaftaran anak perempuannya bukanlah mudah, dengan berhadapan cabaran kehilangan dokumen dan kelemahan pentadbiran.

Kung bagaimanapun tetap teguh dalam usaha beliau terutama dalam mematuhi semua keperluan dan mendapatkan bantuan apabila perlu.

Walaupun matlamat awal adalah mendaftarkan anak perempuan mereka untuk sesi orientasi apabila sekolah dibuka pada 11 Mac, Kung dan Annie bersyukur kerana anak mereka sekurang-kurangnya dapat menghadiri hari terakhir orientasi pada Jumaat ini sebelum pelajaran sebenar bermula pada 25 Mac.

Peluang mengambil bahagian dalam orientasi ini akan memberikan anak perempuan Kung pengenalan yang berharga kepada persekitaran sekolah dan membantunya menyesuaikan diri sebelum bermulanya sesi pembelajaran sebenar.



TAJUK : WANITA SARAWAK MILIKI BANYAK PELUANG, KEBEBASAN

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 20 MAC 2024

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Wanita Sarawak miliki banyak peluang, kebebasan

Miliki peluang, kebebasan dalam pendidikan, kerjaya, perniagaan dan lain-lain sehingga dapat pengiktirafan

Oleh Clare Cinderella

**MIRI:** Golongan wanita di Sarawak amat bertuah kerana mempunyai peluang dan kebebasan dalam aspek pendidikan, kerjaya, perniagaan dan sebagainya sehingga mendapat pengiktirafan kerajaan.

Menteri Pengangkutan Sarawak Dato Sri Lee Kim Shin mengakui dalam bidang kerjaya, ramai wanita di negeri ini memegang jawatan tinggi dan menjadi pembuat keputusan malah dalam bidang pendidikan sudah ramai wanita menyandang jawatan pengetua.

“Jika dahulu sukar kita hendak melihat golongan wanita menjadi pengetua sekolah tetapi tidak hari ini, sudah banyak sekolah menengah di sini, pengetuanya wanita.

“Wanita di Sarawak menikmati pelbagai peluang dalam pendidikan, usahawan, begitu juga dengan kerjaya mencabar seperti jurutera di pelantar-pelantar minyak luar pantai.

“Jika dahulu kerjaya ini dipelopori lelaki sebaliknya golongan wanita semakin berjaya menempatkan diri mereka di kedudukan itu,” katanya.

Lee berkata demikian semasa berucap merasmikan Majlis Makan Malam Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 anjuran Persatuan Wanita Orang Ulu Miri (PWOU) di sini.

“Selagi anda mempunyai kelayakan dan kemahiran,



**BAKAT:** Lee menunjukkan bakatnya melakukan gerak tari Orang Ulu sambil diiringi Kijian (depan, tiga kiri) dan wanita-wanita PWOU.

maka anda boleh merebut peluang-peluang ditawarkan sama rata untuk lelaki dan wanita,” jelasnya.

Malah, di universiti sekalipun lebih separuh penuntutnya adalah wanita sekali gus menunjukkan golongan wanita di Sarawak diberi peluang sama rata.

Sehubungan itu, Lee mahu semua wanita menghargai peluang dan kebebasan diberikan sambil menggalakkan wanita fokus dalam apa yang mereka lakukan seperti perniagaan, kemahiran dalam menghasilkan produk berkualiti dalam kraf tangan dan banyak lagi.

Justeru, beliau menasihati golongan wanita supaya menggunakan peluang

“Jika dahulu sukar kita hendak melihat golongan wanita menjadi pengetua sekolah tetapi tidak hari ini, sudah banyak sekolah menengah di sini, pengetuanya wanita.”


Dato Sri Lee Kim Shin  
Menteri Pengangkutan Sarawak

sebaiknya dengan belajar dengan rajin dan bekerja lebih keras kerana perubahan kini sudahpun bermula menyaksikan wanita mulai mengambil alih tempat dan kedudukan yang dahulunya dipelopori lelaki.

“Apatah lagi negara khususnya lelaki kini memasuki fasa mengguna pakai sumber tenaga mahir

dan saya berharap setiap isi rumah mampu melahirkan sekurang-kurangnya seorang atau dua berpendidikan dengan kerjaya baik atau tenaga mahir berpendapatan tinggi menjelang 2030 dengan Sarawak menuju negeri berpendapatan tinggi,” jelas beliau.

Turut hadir Pengerusi PWOU Kijian Toynbee.



## Ibu kelar bayi: Polis ambil keterangan enam individu

Oleh Omar Ahmad - Mac 19, 2024 @ 7:16pm  
bhnews@bh.com.my



JOHOR BAHRU: Polis mengambil keterangan enam individu bagi membantu siasatan kes kelar kanak-kanak lelaki setahun enam bulan di sebuah kawasan perumahan di Pasir Gudang, di sini Sabtu lalu.

Ketua Polis Johor, Komisioner M.Kumar, berkata individu itu termasuk suami, ahli keluarga dan jiran memberikan kerjasama baik setakat ini.

Katanya wanita berusia 32 tahun itu kini akan ditempatkan di hospital terbabit sepanjang tempoh tahanan reman, bagi mendapatkan rawatan dan pemeriksaan kesihatan.

"Siasatan kes terbabit masih lagi berjalan, kita djuga sudah memanggil beberapa orang saksi.

"Suspek utama dalam kes ini ibu kepada bayi ditahan reman hingga Sabtu ini.

"Siasatan awal kita dapati suspek ada rekod kesihatan, tetapi kita masih menunggu laporan dari pihak hospital lagi," katanya.

Semalam, Ketua Polis daerah Seri Alam, Superitendan Mohd Sohaimi Ishak dilaporkan berkata ibu kandung kanak-kanak itu ditempatkan di Hospital Permai bagi tujuan pemeriksaan kesihatan.



## Selepas 15 minit bapa tersedar tertinggal anak dalam kereta

Sinar Harian

Mac 19, 2024 10:20 MYT



Pemilik akaun @farishal83 memuat naik rakaman CCTV yang memaparkan dia bersama isteri berlari ke kereta untuk menyelamatkan anaknya selepas 15 minit berada dalam kenderaan itu. - Foto TikTok/@farishal83

**SHAH ALAM:** Hampir menjadi 'tragedi' apabila sepasang suami isteri terlupa akan keberadaan anak mereka di dalam kereta selepas hampir 15 minit keluar daripada kenderaan itu.

Video berdurasi satu minit 41 saat tular di laman sosial TikTok memaparkan ahli keluarga kanak-kanak berkenaan bergegas keluar rumah apabila menyedari anak mereka yang berusia tiga tahun itu ada di dalam kereta.

"Sejarah hidup tidak pernah lupa, tapi kali ini menjadi pengajaran. Anak tertidur dalam kereta bahagian belakang selama 15 minit. Semuanya selamat," tulisnya @farishal83.

Mengulas mengenai kejadian itu, @farishal83 berkata, dia dan ahli keluarga tersedar akan ketiadaan si kecil ketika mahu bersalam-salaman dengan ayahnya sebelum berangkat pulang ke kampung.

"Tengah bersalaman dengan atok, atok nak balik. Tiba-tiba rasa sunyi dan nak salam yang kecil tiada.

"Mama teringat dalam kereta sebab ikut pergi hantar kakak ke sekolah. 15 hingga 20 minit tengah panas panas, nasib tingkap ada terbuka," katanya.

Bagaimanapun @farishal83 menjelaskan bahawa hal berkenaan merupakan suatu perkara di luar jangka.

Menurutnya, keadaan itu mungkin disebabkan kesibukan menyambut bulan Ramadan dan diikuti dengan bermulanya sesi persekolahan.

"Moga menjadi pengajaran buat semua termasuk diri sendiri. Biasalah awal persekolahan dan awal Ramadan. Semua kelam kabut mengurus," ujarnya.

Meninjau ke ruangan komen, *Sinar Harian* mendapati, rata-rata pengguna media sosial menzahirkan rasa syukur kerana tidak melibatkan nyawa.

"15 minit dalam kereta yang diletakkan tengah panas panas itu sudah dikira lama. Alhamdulillah semua selamat. Kadang-kadang dilema nak letak 'car seat' anak dekat depan atau belakang sebab trauma kes lupa macam ini," kata @anna.nazry.

"Nasib baik ingat. Ya-ALLAH sekarang ini musim panas pula," tulis @noorshakila268.

Dalam pada itu, turut ada pengguna media sosial berkongsi kisah sama yang meragut nyawa.

"Tengok video ini, teringat arwah anak saudara saya berumur dua tahun. Pakcik sebelah ayah harap si kakak berumur empat tahun kejut bangun (kejut si adik). Sampai ke petang ayahnya balik kerja baru cari. Tengok dalam kereta dah meninggal," kongsi @mawar5636. - *Sinar Harian*



## Gangguan seksual tidak sepatutnya berlaku di sekolah



SITI KAMSAH HASSAN

Oleh NURAINA HANIS ABD. HALIM 19 Mac 2024, 8:15 am

PETALING JAYA: Kes-kes gangguan seksual melibatkan golongan pendidik tidak sepatutnya berlaku di sekolah kerana amanah guru adalah melindungi dan membimbing pelajar.

Ketua Penolong Pengarah (D11) Siasatan Seksual Wanita Dan Kanak-Kanak JSJ Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, berdasarkan analisis, sebanyak enam peratus daripada kira-kira 5,000 kes gangguan seksual dilaporkan berlaku di sekolah dalam tempoh lima tahun sejak 2019 hingga 2023.

Menurut beliau, walaupun jumlah itu nampak 'kecil' iaitu kira-kira 300 kes namun ia tidak sepatutnya berlaku sama sekali.

"Mereka (guru) ini pendidik yang sepatutnya melindungi, bukan memberi ancaman sehingga menakutkan pelajar," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia semalam.

Siti Kamsiah berkata, apa-apa perbuatan dan percakapan mengaibkan dianggap sebagai kesalahan gangguan seksual dan boleh berlaku di mana-mana iaitu sekolah, rumah atau lain-lain tempat.

"Jadi, sebarang kes yang dianggap gangguan seksual termasuk meraba dan mengeluarkan kata-kata mengaibkan di sekolah boleh dilaporkan kepada pihak berkuasa," katanya.

Ditanya jika hubungan atau gangguan seksual dikategori suka sama suka melibatkan pelajar dan guru, Siti Kamsiah berkata, apabila membabitkan kanak-kanak di bawah 18 tahun, ia merupakan satu kesalahan.

"Tidak kisahlah suka sama suka atau sebaliknya, contohnya dengan pelajar 16 tahun kalau dah sampai membuat hubungan seksual, kita tetap menganggap ia kesalahan di bawah Akta Kanak-Kanak iaitu merogol.

"Justeru, pelbagai usaha antaranya kempen kesedaran dan antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan pihak sekolah bagi menyalurkan maklumat kepada kumpulan sasaran tentang isu-isu gangguan seksual di sekolah.

"Kempen tersebut bukan sahaja tertumpu kepada mangsa iaitu pelajar namun kepada pemangsa juga agar mereka tahu apa-apa kesalahan di bawah gangguan seksual," ujarnya.

Selain itu, Siti Kamsiah berkata, pihaknya turut membuat libat urus dengan pihak Kementerian Pendidikan termasuk menteri bagi menerangkan trend-trend terkini berkaitan gangguan seksual.

"Daripada usaha-usaha tersebut, kita lihat tahap kesedaran berkaitan gangguan seksual semakin meningkat terutamanya di sekolah.

"Banyak kes yang guru sendiri melaporkan kepada pihak berkuasa apabila murid itu sendiri menjadi mangsa gangguan seksual tidak kira di sekolah atau di rumah," katanya.


Pada 16 Mac lalu, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek memberi amaran keras kepada pendidik dan kakitangan kementeriannya yang terlibat dalam kesalahan gangguan seksual terhadap pelajar untuk memecat mereka.

Fadhlina juga mengingatkan mereka agar tidak mengambil sikap lepas tangan berhubung kesalahan seumpama itu.

Jelasnya, KPM memandang serius isu gangguan seksual terhadap pelajar dan sentiasa komited untuk membanterasnya.

"Saya nak beri amaran, sekiranya berlaku kes-kes dalam institusi pendidikan – you touch, you go (kamu sentuh, kamu dipecat).

"Kita mesti beri penekanan yang betul supaya mereka faham yang kita serius untuk memastikan kes-kes ini tidak berlaku dalam sekolah kita. Jadi, you touch you go," tegasnya sekali lagi. – **UTUSAN**



## Eksplotasi Seksual: Ketegasan KPM wajar, disambut baik pelbagai pihak

© 19 Mac 2024, 6:00pm



Foto hiasan

Oleh: Aisyah Musa

KUALA LUMPUR: Komitmen dan ketegasan Kementerian Pendidikan (KPM) dilihat mampu menjadi titik tolak dalam menangani isu eksploitasi seksual terhadap kanak-kanak dengan lebih efektif dan menyeluruh.

Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Lepas Maktab Semenanjung Malaysia (KKGLMSM) menyambut baik ketegasan KPM selain menyifatkan golongan pendidik perlu bersama-sama memainkan peranan sebagai "mata dan telinga" kepada murid-murid di sekolah.

Presidennya, Mohamad Zapawi Mamat berkata tindakan sekeras-kerasnya perlu diambil terutama kepada pelaku yang melakukan gangguan seksual terhadap pelajar.

"Pelajar kita adalah modal insan kepada negara kita yang perlu kita lihat masa depan mereka.

"Kerana mereka yang menerima gangguan ini akan menyebabkan trauma dan pelajaran mereka akan menjadi merosot.

"Buat masa sekarang, pihak sekolah telah dimaklumkan pihak KPM mengenai masalah ini dan dalam masa sama kami menubuhkan jawatankuasa permuafakatan, pelbagai program turut diadakan bagi menyebarkan mengenai gangguan seksual ini kepada pelajar," katanya kepada Buletin TV3.

Tegas beliau, usaha itu turut dilihat penting sejajar dengan penguatkuasaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual.

Sementara itu, ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam mengenal pasti perubahan tingkah laku anak-anak di rumah selain kesan terhadap aspek fizikal, emosi dan perkembangan intelektual.

Ini kerana keadaan menjadi lebih serius jika anak mereka menunjukkan gejala kemurungan.

Presiden Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), Prof Madya Datuk Mohamad Ali Hassan, berkata perlu diingatkan bahawa anak-anak atau murid-murid itu adalah anak-anak yang menjadi tanggungjawab kita yang mana tidak boleh dilepaskan begitu sahaja kepada pihak sekolah.

"Kita perlu berganding bahu membantu pihak sekolah dan dimulai dari rumah lagi. Ibu bapa mestilah lebih kerap dan lebih memahami situasi anak-anak mereka.

"Selalu bertanya kepada mereka segala permasalahan di sekolah misalnya perbezaan kelakuan, adab, tindakan dan ciri-ciri kelakuan harian mereka," katanya.

Justeru, hal itu perlu dikekang bagi mengelak berlakunya penurunan prestasi pelajaran murid selain mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan selesa.

Menurut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari 2019 sehingga 2023 menunjukkan 85 peratus suspek yang melakukan jenayah seksual terhadap kanak-kanak adalah orang yang dikenali manakala enam peratus daripada pelaku adalah golongan pendidik.

Sebelum ini media melaporkan Kementerian Pendidikan memberi amaran bakal mengambil tindakan pecat kepada mana-mana guru atau kakitangan sekolah yang terbabit dalam gangguan seksual terhadap murid.

Menterinya Fadhlina Sidek berkata, pihaknya sentiasa komited dan berusaha memastikan sekolah menjadi tempat paling selamat kepada murid.



TAJUK : BELASAH BUDAK SEKOLAH GUNA PAIP PVC, BESI

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 MAC 2024

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Nurul Hidayah  
Bahaudin  
[nurul.hidayah@hmetro.com.my](mailto:nurul.hidayah@hmetro.com.my)

### Kajang

**E**mpat lelaki ditahan selepas dipercayai terbabit dalam pergaduhan dengan pelajar sekolah menengah di Sungai Long, di sini, pada 14 Mac lalu.

Ketua Polis Daerah Kajang Asisten Komisioner Mohd Zaid Hassan berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu jam 3.04 petang, Khamis lalu.

"Dalam kejadian itu, dua pelajar sekolah diserang sekumpulan lelaki seramai kira-kira 10 orang menggunakan paip polyvinyl chloride (PVC) dan batang besi.

"Kesemua suspek diktakan melarikan diri dari lokasi kejadian dengan menaiki dua kenderaan berbeza," katanya dalam ke-

# Belasah budak sekolah guna paip PVC, besi

*Empat suspek ditahan, selebihnya masih dikesan*

nyataan semalam.

Mohd Zaid berkata, kejadian itu menyebabkan ke- dua-dua mangsa masing-masing berusia 16 dan 17 tahun itu cedera di kepala dan badan akibat dipukul suspek dan menerima rawatan di Hospital Kajang.

"Setakat ini, polis sudah

menahan empat lelaki berusia 18 hingga 21 tahun di sekitar Ampang, semalam (kelmarin).

"Semua suspek direman sehingga 22 Mac ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 148 Kanun Keseksaan.

"Polis masih mengesan baki suspek dan punca ke-

jadiannya masih dalam siasatan," katanya.

Katanya, orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian itu boleh menghubungi pegawai penyiasat kes, Inspektor Mu'az Mazlan di talian [017-9788804](tel:017-9788804) bagi membantu siasatan.

Terdahulu, rakaman video berdurasi 16 saat yang memaparkan pergaduhan pada waktu tamat sesi persekolahan pagi tular di Facebook.

“  
Semua suspek  
direman  
sehingga 22  
Mac ini  
Mohd Zaid